

## **PENILAIAN PEPERIKSAAN DALAM TALIAN (ONLINE) KURSUS BAHASA ARAB, PUSAT PENGAJIAN TERAS, KUIS**

Norfaezah Mohd Hamidin  
*Pusat Pengajian Teras (PPT), KUIS*  
[norfaezah@kuis.edu.my](mailto:norfaezah@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

KUIS merupakan institusi pengajian tinggi Islam swasta (IPTIS), yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Ia merupakan pusat pengajian tinggi yang menawarkan kursus pengajian Islam dan bahasa Arab yang merupakan bahasa pengantar utama selain bahasa Melayu. Penawaran kursus ini seharusnya mencapai objektifnya untuk melahirkan golongan cendekiawan yang berkemahiran dalam bahasa Arab untuk menguasai kursus-kursus pengajian Islam. Kursus ini diajar secara tutorial atau kuliah secara bersemuka dengan pelajar. Namun, selepas pandemik Covid-19 melanda dunia awal tahun 2020, sistem pendidikan juga berubah daripada bersemuka kepada dalam talian. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti komponen pembelajaran bahasa Arab yang perlu ditambah baik dalam PdP bahasa Arab melalui analisis soalan peperiksaan *Google Form* terhadap 271 responden pelajar diploma pengajian Islam semester tiga yang merupakan semester akhir pembelajaran bahasa Arab di KUIS. Pengkaji akan melihat jumlah pelajar yang mendapat markah sedikit bagi setiap 20 soalan. Kelemahan pelajar dalam menjawab soalan tersebut akan dikenalpasti untuk cadangan penambahbaikan PdP selepas ini. Selepas dikenalpasti, terdapat tiga kelemahan pelajar semasa menjawab peperiksaan akhir bagi kursus Al Arabia Li Dirasat Islamiyyah III (NDWU2102), iaitu penguasaan kosa kata Arab, pengetahuan tentang kalimah Arab dari segi muradif dan mudhad dan kata nama mufrad dan jama'. Kajian ini akan mencadangkan beberapa strategi untuk memantapkan lagi proses PdP yang sesuai untuk pengajian Islam melalui pemerkasaan bahasa Arab untuk mencapai objektif kursus.

**Kata kunci:** Penilaian dalam Talian, Bahasa Arab, Strategi Pengajaran

### **Pengenalan**

Bahasa Arab di KUIS adalah kursus wajib kepada semua pelajar yang berdaftar di KUIS di bawah Pusat Pengajian Teras. Terdapat dua tahap pengajian di KUIS, iaitu pelajar pengajian Islam, dan bukan pengajian Islam, untuk tahap diploma dan ijazah. Pelajar diwajibkan untuk mengambil kursus bahasa Arab bermula semester 1 sehingga semester 3 bermula pendaftaran mereka sebagai pelajar di KUIS. Pelajar yang baru mendaftar, akan melalui proses Ujian Penempatan Bahasa iaitu Arabic Placement Test (APT). Kedudukan mereka di dalam kelas akan ditentukan berdasarkan keputusan markah mereka dalam ujian tersebut. Pelajar yang diterima masuk ke KUIS terdiri daripada dua kelompok iaitu pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab dan tidak mempunyai asas bahasa Arab. Pendekatan kepada kedua-dua kelompok pelajar tersebut juga berbeza dari segi teknik pengajaran walaupun menggunakan silibus yang sama. Pelajar juga menggunakan silibus yang berbeza untuk dua tahap pengajian iaitu diploma dan ijazah. Pelajar yang mengambil jurusan pengajian Islam juga berbeza silibus dengan pelajar bukan pengajian Islam. Pelajar pengajian

Islam ini terdiri daripada Fakulti Pengajian Peradaban Islam(FPPI), Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), dan Fakulti Pendidikan(FP). Manakala pelajar bukan pengajian Islam adalah daripada Fakulti Pengurusan dan Muamalah(FPM), dan Fakulti Sains Teknologi Maklumat(FSTM).

Pelajar di KUIS mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza dan minat yang berbeza. Terdapat pelajar dari sekolah aliran agama yang mengambil kursus pengajian di FPM atau FSTM, dan sebilangan besar pelajar yang menyambung pengajian ijazah di KUIS, adalah pelajar Pusat Matrikulasi (PM) di KUIS yang tersedia menawarkan pembelajaran bahasa Arab selama setahun mereka belajar di PM. Latar belakang pengajian mereka yang berbeza memerlukan tanggapan yang betul dalam kalangan pensyarah yang mengajar bahasa Arab supaya mereka dapat dibentuk sesuai dengan latar belakang mereka yang berbeza, bukan hanya mengikut bidang mereka atau tahap pengajian mereka.

**Sepanjang pengajian mereka setiap semester di KUIS, akan ada proses penilaian. Terdapat dua jenis penilaian dalam pembelajaran iaitu penilaian secara formatif dan penilaian sumatif.** Penilaian formatif (*assessment for learning*) adalah proses mengumpulkan data mengenai sejauh mana kemajuan pelajar dalam menguasai kompetensi, menginterpretasikan data tersebut, dan memutuskan kegiatan pembelajaran yang efektif bagi pelajar agar dapat menguasai kompetensi secara optimal. Penilaian formatif melibatkan aktiviti pensyarah dan pelajar yang bertujuan untuk memantau kemajuan belajar pelajar **selama proses belajar berlangsung.** Penilaian sumatif pula adalah penilaian yang dilakukan pada setiap akhir semester pengajian. Penilaian sumatif ini adalah peperiksaan akhir semester merangkumi lebih dari satu topik pembelajaran untuk mengetahui sejauh mana pelajar dapat berpindah dari suatu kursus ke kursus berikutnya. Penilaian sumatif dilaksanakan setelah sekumpulan **program pelajaran selesai diberikan.** Kegiatan penilaian sumatif ini dilakukan jika pengalaman belajar atau seluruh silibus pelajaran telah selesai.

Sebelum Covid-19, penilaian markah kerja kursus bahasa Arab di PPT ialah 70% dan peperiksaan akhir 30%, tetapi selepas Covid-19, 80% untuk kerja kursus, hanya 20% untuk peperiksaan akhir. Kerja kursus melibatkan ujian pertengahan semester, kuiz, tugas bertulis 1 dan 2, projek dan pembentangan. Walaupun jumlah markah bagi peperiksaan akhir semester hanya 20%, pelajar akan tetap dikira gagal dalam kursus tersebut sekiranya tidak hadir dalam ujian peperiksaan akhir sekalipun mendapat gred lulus dalam penilaian kerja kursus. Di sinilah menunjukkan akan pentingnya penilaian akhir kursus tersebut.

## Pernyataan Masalah

Sejak Covid-19 melanda negara Malaysia bermula awal tahun 2020, corak pembelajaran juga telah berubah. Bermula dari peringkat prasekolah sehingga kepada peringkat pengajian tinggi, pembelajaran dalam talian (*online*) menjadi pilihan untuk menyambung hayat pembelajaran pelajar supaya tidak terhenti. Pembelajaran dalam talian juga memerlukan para pendidik untuk berubah kepada bentuk gaya baru dalam sistem pendidikan di Malaysia. Perubahan yang mendadak daripada secara bersemuka kepada alam maya telah memberi pengalaman baru kepada para pendidik dan juga pelajar. Ibu bapa juga turut sama terlibat dalam proses pembelajaran di rumah secara dalam talian kerana mereka juga perlu bekerja dari rumah ketika waktu pandemik Covid-19. Penggunaan teknologi secara meluas dalam mendapatkan pembelajaran secara dalam

talian juga menyebabkan kebergantungan kita kepada teknologi sangat tinggi, termasuk rangkaian internet atau capaian internet yang tinggi.

Perubahan ini perlu diterima sama ada kita bersedia atau tidak. Kemahiran untuk menguasai teknologi juga perlu dalam sekadar segera kepada yang terlibat. KUIS juga menerima tempias yang sama iaitu menukar pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas kepada pembelajaran secara dalam talian. Perubahan ini termasuk kepada aspek PdP, penilaian kerja kursus dan juga peperiksaan akhir. Sebelum ini, pelajar akan memasuki dewan peperiksaan akhir, tetapi kini mereka hanya perlu berada di kediaman masing-masing untuk menjawab soalan dalam talian. Begitu juga yang berlaku kepada kursus bahasa Arab di Pusat Pengajian Teras. Penilaian sumatif telah bertukar bentuk kepada soalan objektif dalam *Google Form*. Pelajar hanya perlu memilih empat pilihan jawapan yang diberikan sahaja. Sebelum ini, penilaian adalah secara subjektif dan pada pandemik Covid-19 telah bertukar bentuk baru dengan format yang lebih mudah dijawab secara dalam talian.

Peperiksaan akhir bagi kursus bahasa Arab di PPT merangkumi dua aspek iaitu bahagian Qiraah (pemahaman teks Arab) dan bahagian Qawaaid (tatabahasa). Markah keseluruhan peperiksaan akhir ialah 20 markah, manakala kerja kursus ialah 80 markah. Penilaian kerja kursus juga berasaskan dalam talian melalui platform *Google Classroom* atau *KUIS Learning Management System (KLMS)*. Untuk kursus bahasa Arab di PPT, terdapat 12 kursus mengikut tahap pengajian dan jenis pengajian Islam atau bukan pengajian Islam sebagaimana dinyatakan sebelum ini.

Penilaian sebelum Covid-19 adalah berbentuk subjektif dan tiada pilihan jawapan. Jadi, tahun ini adalah kali pertama pelajar belajar secara sepenuh masa dalam talian dan dibuat penilaian dalam talian bagi semester dua dan tiga. Manakala pelajar semester satu pula menggunakan pembelajaran secara teradun atau *blended learning*, tetapi peperiksaan akhir tetap dijalankan dalam talian.

Dalam normal baru, penilaian berbentuk baru tentunya memberi pengalaman yang baru juga kepada pelajar. Timbul persoalan kepada pengkaji, semasa pelajar menjawab peperiksaan akhir dalam talian, jenis soalan manakah pelajar mendapat markah paling rendah. Pada penilaian sebelum dalam talian diperkenalkan, pelajar lemah ketika menjawab soalan bahagian muradif (perkataan seerti) dan mudhad (perkataan berlawanan) kerana tidak menguasai kosa kata Arab dengan sebaiknya. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis item soalan pelajar yang paling rendah, dan untuk mencadangkan kaedah pengajaran yang sesuai untuk pengajaran pada semester akan datang.

## Metodologi

Kajian ini melibatkan 271 responden pelajar yang melibatkan empat orang pensyarah daripada tujuh orang pensyarah keseluruhannya untuk kursus Al Arabia Li Dirasat Islamiyyah III (NDWU2102). Pemilihan pelajar ini kerana mereka merupakan pelajar semester akhir untuk kursus bahasa Arab dan ujian ini akan menentukan tahap kompetensi mereka setelah tiga semester pengajian mereka dalam kursus bahasa Arab di KUIS. Data kajian diperolehi melalui statistik yang dikeluarkan dalam soalan *Google Form*. Item soalan berjumlah 20 soalan dan setiap item adalah satu markah. Daripada setiap item, pengkaji akan melihat markah yang diperolehi oleh pelajar bagi setiap item soalan tersebut.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berikut adalah jumlah bilangan pelajar menjawab dengan betul bagi kesemua 20 soalan objektif seperti yang direkodkan dalam statistik *Google Form*.

No. Soalan (Qiraah)	Jumlah pelajar menjawab dengan betul/Jumlah pelajar	No. Soalan (Qawaid)	Jumlah pelajar menjawab dengan betul/Jumlah pelajar
1	149/271	11	220/271
2	177/271	12	99/271
3	176/271	13	199/271
4	70/271	14	218/271
5	226/271	15	185/271
6	197/271	16	241/271
7	58/271	17	188/271
8	187/271	18	178/271
9	115/271	19	191/271
10	179/271	20	223/271

Pengkelasan Bilangan Pelajar Menjawab dengan Betul (Paling Rendah kepada Paling Tinggi)

No. Soalan	Jum Pelajar Menjawab Dengan Betul (Rendah)	No. Soalan	Jum Pelajar Menjawab Dengan Betul (Sederhana)	No. Soalan	Jum Pelajar Menjawab Dengan Betul (Sederhana Tinggi)	No. Soalan	Jum Pelajar Menjawab Dengan Betul (Tinggi)
	<b>50-100</b>		<b>101-180</b>		<b>181-200</b>		<b>201-271</b>
7	58	9	115	15	185	14	218
4	70	1	149	8	187	11	220
12	99	3	176	17	188	20	223
		2	177	19	191	5	226
		18	178	6	197	16	241
		10	179	13	199		

Taburan di atas menunjukkan no. soalan 7 dan 4 bahagian Qiraah dan satu soalan no.12 bahagian Qawaaid paling sedikit jumlah pelajar menjawab dengan betul. Manakala no. soalan 9, 1, 3, 2, 10 bahagian Qiraah dan no. soalan 18 bahagian Qawaaid adalah sederhana. Pelajar yang menjawab dengan betul sederhana tinggi pula untuk no.soalan 15,17,19,13 bahagian Qawaaid dan no.soalan 8 dan 6 bahagian Qiraah. Ramai pelajar dapat menjawab dengan betul untuk no.soalan 14, 11, 20 dan 16 bahagian Qawaaid, dan no.5 untuk bahagian Qiraah.

Data ini menunjukkan penguasaan yang lemah dari segi kosa kata akan menganggu proses untuk memilih jawapan yang betul.Ini kerana no.soalan 7, pelajar lemah untuk memberi perkataan seerti walaupun diberi pilihan jawapan. Ini menunjukkan walaupun bentuk soalan bersemuka diubah kepada soalan dalam talian, bahagian muradif mudhad merupakan faktor yang menyebabkan pelajar kehilangan markah. No. soalan 4 pula, pelajar tidak dapat membezakan antara makna udara (الجو) dan angin (الريح). Seterusnya, no.soalan 12 bahagian Qawaaid, pelajar tidak memahami perkataan kata sifat هادئة (صفة) yang bermaksud tenang dan majoriti memilih kalimah موصوف yang salah kerana tidak faham makna soalan secara tepat. Ketiga-tiga soalan ini memberi gambaran majoriti pelajar walaupun sudah belajar bahasa Arab selama tiga semester masih belum mampu menguasai kosa kata Arab dengan baik.

Kemudian, lebih daripada separuh pelajar iaitu 156 pelajar memilih jawapan yang salah bagi no. soalan 9 iaitu kalimah mufrad bagi kalimah jama' yang ditanya. Maknanya di sini, selain pelajar lemah menguasai kosa kata, pelajar juga tidak dapat mengenalpasti kalimah mufrad bagi kata nama jama'. Seterusnya, no.soalan 1 juga hanya sebahagian pelajar dapat memberi tajuk yang sesuai kepada teks yang dibaca. Sedangkan tajuk ini sudah dikupas di dalam kelas, tetapi pelajar kurang memberi perhatian dan peka terhadap apa yang telah dipelajari di dalam kelas. Hanya 149 orang daripada 271 orang dapat meneka tajuk teks yang dibaca dengan betul. Kefahaman pelajar perlu dipertingkatkan lagi lebih-lebih lagi terhadap tajuk teks yang dibaca.

Seterusnya, no. soalan 3, 2, 18, 10 masing-masing soalan ini mempunyai jumlah pelajar yang hampir sama menjawab dengan betul. No. soalan 3 dan 2 masih berkenaan kefahaman pelajar memahami teks yang dibaca, dan no.soalan 10, tentang kalimah mufrad kepada kalimah jama' seperti no. soalan 9 tadi. Pelajar masih lemah untuk mengetahui tentang kalimah mufrad bagi sesuatu kalimah jama'. Perlu ada banyak lagi latihan berbentuk menukar kalimah kepada mufrad atau jama'. Soalan no. 18 adalah Hadith Nabi SAW. Pelajar perlu didedahkan kepada masdar ilmu bahasa Arab iaitu berpandukan al-Quran dan as-Sunnah kerana Hadith yang ditanya itu, adalah Hadith yang masyhur dan sentiasa dirujuk dan disebut-sebut, namun seramai 93 orang, angka yang menghampiri 100 orang tidak mengetahui tentang Hadith tersebut. Sedangkan pelajar-pelajar ini mengambil bidang pengajian Islam di FPPI.

No. soalan 15, 8 dan 17 mencatat antara 185-188 orang pelajar daripada 271 yang menjawab dengan betul. Masih ramai pelajar lagi iaitu 30% daripada jumlah pelajar yang tidak faham kandungan pelajaran berkaitan qawaaid yang dipelajari secara mendalam. No. soalan 8 berkaitan kalimah mudhad iaitu memberi kata lawan kepada kalimah yang diberi. Sekurang-kurangnya 70% pelajar dapat memberi jawapan dengan betul kepada kalimah tersebut, walaupun jangkaan ada yang dapat ‘menembak’ jawapan dengan betul.

Lebih 70% pelajar boleh menjawab dengan baik untuk soalan no.19, 6 dan 13. Soalan ini adalah berbentuk kefahaman. Manakala no. soalan 14,11,20,5 dan 16 merupakan soalan yang mudah kepada kebanyakan pelajar kerana 80% ke atas, pelajar dapat menjawabnya dengan betul.Setelah diselidiki antara faktor pelajar mudah menjawab soalan tersebut kerana pemilihan

حی على الصلاة، حی الدين، معلمون، جميلة، الإسلامية kosa kata yang mudah seperti perkataan dan lafaz azan على الفلاح memudahkan pelajar membuat perhitungan untuk memilih jawapan yang betul.

Namun, yang menjadi tanda tanya ialah no. soalan 5 agak susah kerana ia menguji aras tinggi pemikiran pelajar, namun kerana pemilihan perkataan المرحاض menjadikan soalan susah menjadi mudah untuk dijawab kerana faktor ini.

## Kesimpulan

Hasil daripada huraiān di atas, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil berat oleh pensyarah semasa mengajar bahasa Arab samada bersemuka atau dalam talian. **Pertama**, walaupun dalam keadaan bersemuka atau dalam talian, pelajar masih **lemah dalam menguasai kosa kata** sedangkan pelajar ini berada pada semester akhir kursus bahasa Arab dan berbaki tiga semester lagi pengajian diploma di KUIS, mereka tidak akan mempelajari bahasa Arab secara formal di dalam kelas bersemuka atau maya. **Kedua**, pengetahuan kalimah Arab dari segi **mufrad, muthanna, jama', muannas dan muzakkar** perlu diberi perhatian kepada pelajar supaya mereka mendapat pengetahuan lebih meluas tentang kalimah-kalimah Arab yang perlu mereka kuasai sepanjang pengajian mereka di KUIS. Cadangan untuk **menyediakan senarai indeks atau glosari kepada setiap kandungan silibus buku kursus bahasa Arab**. **Ketiga**, pensyarah perlu banyak memetik **hadith-hadith masyhur atau ayat-ayat al-Quran sebagai contoh dalam pembelajaran Qawa'id** kepada pelajar. Ini bermaksud pensyarah bukan hanya menyampaikan ilmu bahasa Arab kepada pelajar, tapi ilmu agama kepada pelajar kerana apabila pelajar menguasai bahasa Arab, mereka juga mampu menguasai disiplin ilmu-ilmu Islam yang lain. **Keempat**, sentiasa mempraktikkan **kosa kata yang mudah** dan ada sekeliling pelajar sehingga **pelajar tidak lupa perkataan** tersebut dalam kehidupan sehari-hari mereka.

## Rujukan

- Mohamed Amin Embi. Panduan Amalan Pengajaran & Pembelajaran Berkesan. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pusat Pembangunan Akademik.  
Munip, Abdul. (2019). Penilaian Pembelajaran Bahasa Arab.  
Muhsin, Muh Arief. (2016). Teknik Penilaian Dalam Pembelajaran Bahasa.  
<https://www.amongguru.com/penilaian-formatif-dan-sumatif-pengertian-tujuan-serta-perbedaannya/>  
<http://zeckry.net/2020/10/19/langkah-menyejajikan-bahan-pengajaran-dalam-talian-bahasa-arab/>